

Berkenan berangkat merasmikan Mahrajan HafI Al-Takharruj UNISSA



Oleh : Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda perasmian bagi Mahrajan HafI Al-Takharruj Ke-7 UNISSA.

DYTM kemudian dijunjung berangkat menyaksikan galeri pameran di Dewan Persidangan Utama yang memaparkan pelaksanaan undang-undang syariah yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam.

Sambutan Mahrajan pada kali ini diungkayahkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

DYTM seterusnya berkenan melancarkan 30 buah buku terbaharu terbitan UNISSA, yang mana 25 naskah merupakan terbitan buku, iaitu 12 judul dalam bahasa Melayu, 10 judul dalam bahasa Arab dan tiga judul dalam bahasa Inggeris, manakala empat terbitan merupakan jurnal dan sebuah Monograf Bersiri al-Shafi'i.

Buku-buku tersebut dihasrat untuk dijadikan bahan ilmiah dan sumber rujukan kepada masyarakat awam khususnya para pengkaji bidang akademik.

Ia adalah hasil penulisan dan penyelidikan pensyarah UNISSA dan ahli akademik dari luar yang akan memperkayakan lagi bahan bacaan para pelajar dan masyarakat awam.

Persembahan *Mock Court* atau Mahkamah Olok-olok, antara yang diketengahkan pada Mahrajan kali ini yang merupakan latihan praktikal yang diwajibkan kepada semua pelajar Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah UNISSA.

DYTM seterusnya dijunjung untuk menandatangani Lembaran Kenangan Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban (PPHT).

Pusat tersebut baru sahaja ditubuhkan dan telah memulakan program pengajian pada bulan Ogos tahun ini.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan HafI Al-Takharruj atau Pesta Konvo Ke-7 UNISSA.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 9 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan

Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan HafI Al-Takharruj atau Pesta Konvo Ke-7 UNISSA.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Majlis UNISSA; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Timbalan Pengerusi Majlis UNISSA; dan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Mahrajan HafI Al-Takharruj Ke-7 UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA berkenan menerima junjung ziarah pada Majlis Perasmian Mahrajan HafI Al-Takharruj Ke-7 UNISSA.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA berkenan bergambar ramai pada Majlis Perasmian Mahrajan HafI Al-Takharruj atau Pesta Konvo Ke-7 UNISSA.

Ke muka 5